



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	9/12/2018



Melayu perlu usaha elak terus ketinggalan

BH - 9/12/2018 m/s: 4

➔ PM gesa gigih majukan diri seperti kaum lain

Oleh Iskandar Shah Mohamed
iskandar@nstp.com.my

▀ Shah Alam

Tun Dr Mahathir Mohamad mahu orang Melayu dan Bumiputera berusaha lebih kuat memajukan diri bagi mengelak terus ketinggalan dengan kaum lain serta miskin di negara ini.

Perdana Menteri melahirkan rasa malu melihat keadaan masyarakat Melayu yang masih ketinggalan di negara sendiri, walaupun memiliki kuasa dalam pentadbiran.

"Kaum Melayu kini tertinggal dan kedudukan kita tidak menyenangkan. Jangan kata tidak kerana itulah hakikat sebenarnya kerana kita ter-

golong dalam rakyat termiskin.

"Jika terus tinggal di luar bandar, kita tidak akan dapat menikmati kehidupan yang lebih selesa di bandar. Kita tidak bermusuhan dengan kaum lain dan tidak mahu kaum lain sahaja duduk di bandar.

Kena usaha lebih kuat

"Andai tiada kuasa politik dan keistimewaan, kita akan jadi lebih susah dari sekarang walaupun ada bantuan disalurkan, termasuk biasiswa pendidikan sehingga ke luar negara.

"Bagi menjaga diri dan bangsa Melayu, kita kena usaha lebih dari orang lain. Jika berada di belakang, kita perlu berlari lebih kuat daripada orang lain di hadapan. Kita ini cekap dan pintar," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Himpunan Mahasiswa Graduan dan Profesional bersempena Karnival Pendidikan Kerjaya dan Usahawan Muda Bumiputera 2018 (PUTRA 2018) di Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC)

Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam di sini, malam tadi.

Yang turut hadir, isteri beliau, Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali; Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina Harun; Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman dan Pengerusi PUTRA 2018, Datuk Mohd Rafiq Naizamohideen.

PUTRA 2018 disertai 100 pamer dari syarikat GLC, swasta dan agensi kerajaan itu menjadi platform beliau mendapatkan informasi mengenai kepentingan melanjutkan pelajaran, mendapatkan peluang pekerjaan dan menerokai bidang usahawanan pada peringkat kebangsaan.

Karnival julung kali selama sehari itu menyediakan pelbagai tawaran pendidikan, kerjaya dan pendedahan keusahawanan Bumiputera.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut dianugerahkan Tokoh Bumiputera Unggul 2018 atas sumbangannya kepada pembangunan kaum Melayu dan Bumiputera.